

## ***Bandar Bukit Raja Industrial Gateway* Mulakan Projek Ketiganya dengan Pembinaan Gudang Siap Dibina untuk CEVA Logistics dan SL Ng**

- Projek ketiga yang dibangunkan oleh SDPMIT ini bertujuan menyediakan perkhidmatan dan produk-produk komprehensif bagi industri pengurusan rantai bekalan global;
- *Bandar Bukit Raja Industrial Gateway* seluas 39 ekar ini merangkumi 10 plot untuk penyediaan fasiliti-fasiliti bertaraf Gred A yang boleh disesuaikan mengikut permintaan.

**KLANG, 29 OGOS 2022** – Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property"), Mitsui & Co., Ltd. dan Mitsubishi Estate Co., Ltd melalui usaha sama mereka Sime Darby Property MIT Development Sdn. Bhd. ("SDPMIT") menandakan satu detik pencapaian penting dengan permulaan kerja tanah bagi projek terbaharunya di *Bandar Bukit Raja Industrial Gateway* di Klang hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perdagangan & Perindustrian dan Industri Kecil dan Sederhana ("IKS") merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Bandar Baru Klang, YB Dato' Teng Chang Khim telah merasmikan majlis pecah tanah bagi membangunkan Gudang Siap-Dibina (*Ready-Built Warehouse* atau "RBW") untuk pelbagai bilangan penyewa.

Projek RBW ini telah memperoleh komitmen penyewaan untuk keseluruhan gudang oleh CEVA Logistics, sebuah syarikat logistik dan pengurusan rantai bekalan global; bersama-sama dengan SL Ng, penyedia perkhidmatan pengembangan pasaran FMCG tempatan yang terkemuka di Malaysia. Kedua-dua syarikat akan bertempat di gudang dua tingkat ini dengan Keluasan Lantai Kasar (*Gross Floor Area*) seluas kira-kira 487,000 kaki persegi.

Ini merupakan projek ketiga yang dibangunkan oleh SDPMIT di *Bandar Bukit Raja Industrial Gateway* yang bertujuan menyediakan penyelesaian untuk industri rantai bekalan global, menampilkan infrastruktur yang menawarkan kebolehskalaan operasi dan teknologi, serta ketersambungan dengan lebuhraya-lebuhraya utama.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican berkata para klien boleh menjangkakan rangkaian ciri-ciri moden yang komprehensif daripada RBW yang dibina di *Bandar*

*Bukit Raja Industrial Gateway* dan dialu-alukan untuk bekerjasama rapat dengan pihak SDPMIT untuk penyesuaian ciri-ciri aset bagi memenuhi keperluan operasi mereka.

"Permintaan pasaran untuk produk perindustrian dan logistik kekal kukuh, dan kami akan terus menyediakan kemudahan komprehensif yang memenuhi keperluan pelanggan kami. Lokasi strategik *Bandar Bukit Raja Industrial Gateway* yang bersepadu dengan ekosistem sekitarnya juga menawarkan akses mudah kepada rangkaian jalan raya yang berhubung dengan pelabuhan dan lapangan terbang, serta kawasan perumahan yang berdekatan," katanya.

Daiji Kojima, Pengarah Urusan Mitsui &Co. (Malaysia) Sdn Bhd dan Presiden Dewan Perdagangan & Industri Jepun Malaysia ("JACTIM")ewartakan rasa bangganya untuk bekerjasama dengan pemain-pemain logistik terkemuka di peringkat global dan tempatan seperti CEVA Logistics dan SL Ng.

"Pembangunan di Bandar Bukit Raja ini melambangkan satu hab perindustrian bertaraf dunia di Malaysia dan ia merupakan hasrat kami untuk terus menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang disesuaikan mengikut keperluan perniagaan dan operasi para pelanggan kami," kata Kojima.

*Bandar Bukit Raja Industrial Gateway* seluas 39 ekar ini merangkumi 10 plot untuk penyediaan fasiliti-fasiliti bertaraf Gred A yang boleh disesuaikan mengikut permintaan para pelanggan. Dua projek terbina-untuk-spesifikasi (*Built-to-Suit*) yang telah siap seluas 384,000 kaki persegi kini diduduki sepenuhnya; dengan projek pertama diserahkan kepada Senheng Electric (KL) Sdn Bhd pada 2020, manakala Leschaco (Malaysia) Sdn Bhd dan CEVA Logistics menerima produk yang dikongsi bersama setahun kemudian.

Pembinaan RBW ini telah bermula dan dijangka siap pada separuh kedua tahun 2023. Kedua-dua projek selebihnya kini dalam pelbagai peringkat rundingan dengan bakal penyewa termasuk penyedia logistik pihak ketiga, pusat pergudangan dan pengedaran serta pengendali logistik rangkaian sejuk. Sambutan terhadap RBW ini menunjukkan kebolehpasaran Bandar Bukit Raja untuk memenuhi keperluan global yang semakin meningkat untuk produk-produk logistic yang berkualiti tinggi, infrastruktur, serta pengurusan rantai bekalan yang cekap.

Bandar Bukit Raja mudah diakses melalui lebuhraya utama seperti Lebuhraya Baru Lembah Klang ("NKVE"), Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya KESAS, dan Lebuhraya Pantai Barat ("WCE") yang baru dibuka. Lebuhraya ini menghubungkan Bandar Bukit Raja ke hab logistik utama seperti Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, serta taman-taman perindustrian milik Sime Darby Property yang terletak di Bandar Elmina, Bandar Serenia dan Bandar Hamilton Nilai, antara lain.

**-TAMAT SIARAN-**

### **About Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property is a leading property developer with a strong success rate of developing sustainable communities for 50 years. With 25 active townships/developments, Sime Darby Property has a wide reach that encompasses assets and operations across the country. It marks its presence in the UK as part of a Malaysian consortium to develop the iconic Battersea Power Station Project in central London.

As a responsible corporate player, Sime Darby Property and its philanthropic arm, Yayasan Sime Darby (YSD) actively implement various initiatives to assist underprivileged communities living within and nearby its townships. A multi award-winning property group with numerous international and local accolades, Sime Darby Property is a constituent of the MSCI ACWI Small Cap Index with MSCI ESG Rating of BBB and is rated by the Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property is honoured to be recognised with numerous real estate industry awards throughout the years. In 2021, the Group continues to be recognised as a top property developer in 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards', achieving the feat for the tenth year running. The Group was also named as 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', as well as the winner in PwC's 'Building Trust Awards 2021' under the FBM Mid 70 Index category.

**For more information**, log on to [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

**Media Contact:** Sharmila Nair | +6012-617 7860 | [sharmila.nair@simedarbyproperty.com](mailto:sharmila.nair@simedarbyproperty.com)

**For General Enquiries** please e-mail [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)

### **About Mitsui & Co., Ltd.**

Mitsui & Co., Ltd (8031: JP) is a global trading and investment company with a diversified business portfolio that spans approximately 63 countries and regions in Asia, Europe, North, Central & South America, The Middle East, Africa and Oceania.

Mitsui has about 5,600 employees and deploys talent around the globe to identify, develop, and grow businesses in collaboration with a global network of trusted partners. Mitsui has built a strong and diverse core business portfolio covering the Mineral and Metal Resources, Energy, Machinery and Infrastructure, and Chemicals industries.

Leveraging its strengths, Mitsui has further diversified beyond its core profit pillars to create multifaceted value in new areas, including innovative Energy Solutions, Healthcare & Nutrition and through a strategic focus on high-growth Asian markets. This strategy aims to derive growth opportunities by harnessing some of the world's main mega-trends: sustainability, health & wellness, digitalization and the growing power of the consumer.

Mitsui has a long heritage in Asia, where it has established a diverse and strategic portfolio of businesses and partners that gives it a strong differentiating edge, provides exceptional access for all global partners to the world's fastest growing region and strengthens its international portfolio.

For more information on Mitsui & Co's businesses, please visit <https://www.mitsui.com/jp/en/index.html>

### **About Mitsubishi Estate Co., Ltd.**

A comprehensive real estate developer, Mitsubishi Estate Co., Ltd. boasts the leading position in the Japanese market, operating a spectrum of businesses in diverse fields related to real estate, including an office building business centered on the Marunouchi district in central Tokyo, a retail property business, a residential business, a hotel business and airport business. The Company's area of operations is not confined to Japan; it includes the United States and the United Kingdom and extends to such Asian countries as China, Chinese Taipei, Singapore, Indonesia and Vietnam.

The strength of the Mitsubishi Estate Group lies in its comprehensive business structure, which encompasses Group members that seamlessly cover businesses ranging from development to leasing and property management. Looking at the real estate industry in countries overseas, in most places the industry is divided into two main groups: developers and property managers. In contrast, the Mitsubishi Estate Group operates under a policy of maintaining ownership of the majority of the properties that it has developed. This enables the Group to pursue urban development with an eye to the future—a future of not only a decade or 50 years but as much as a hundred years from now.